

EDISI 2

# TIADA YANG MUSTAHIL

KISAH KEJAYAAN OKU

*Editor*

• Norailis Ab. Wahab  
• Hamidah Hassan  
• Siti Mariam Sageh  
• Noorhafiza Ahmad

## **TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 2**

Diterbitkan oleh:

**INSTITUT SOSIAL MALAYSIA**

Lot PT 13856

KM6 Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban

Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel: 03-7985 3333

Faks: 03-7985 3300

E-mel: info@ism.gov.my

Laman Web: www.ism.gov.my

Cetakan Pertama 2022

Penerbitan © Institut Sosial Malaysia

Teks dan Foto © Institut Sosial Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi, foto atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Sosial Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

### **TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 2**

EDITOR Norailis Ab. Wahab, Hamidah Hassan, Siti Mariam Sageh, Noorhafiza Ahmad. – EDISI 2.

ISBN 978-967-5472-50-3

1. People with disabilities.

2. Successful people.

3. Success

I. Norailis Ab. Wahab. II. Hamidah Hassan.

III. Siti Mariam Sageh. IV. Noorhafiza Ahmad.

Dicetak di Malaysia oleh:

Techno Secure Print Sdn. Bhd.

SD30, Jalan KIP 10 Perindustrian Kepong,

Kepong, 52200 Kuala Lumpur

# ISI KANDUNGAN

<i>Perutusan</i>	X
<i>Kata Alu-aluan</i>	XIV
<i>Penghargaan</i>	XVII
<i>Prakata</i>	XIX
<i>Senarai Ahli Pasukan Task Force Penerbitan Buku Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU Edisi 2</i>	XX
<b>Pengenalan - Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU</b>	1
<b>OKU DALAM BIDANG AKADEMIK</b>	14
<b>Profesor Ts. Dr. Zaidi Embong</b>	15
<i>Saintis OKU Berkerusi Roda</i>	
<b>Profesor Madya Dr. Mohd. Nizam Barom</b>	23
<i>Polaroid Tidak Berfilem</i>	
<b>Dr. Ahmad Shamsuri Muhamad</b>	33
<i>Harapan Mencipta Keberanian, Usaha Mencapai Kehormatan</i>	
<b>Meor Muhd. Afif Aiman Abu Bakar</b>	41
<i>Ibarat Mutiara Di Belahan Lautan</i>	

<b>Sharifah Zubaidah Wan Abu Bakar</b>	47
<i>Tinta Cereka Si Buta</i>	
<b>OKU DALAM BIDANG KEMASYARAKATAN</b>	56
<b>Aqlam Jafri</b>	57
<i>Patah Sayap Terbang Jua</i>	
<b>Chole Gan</b>	65
<i>Hwarang: Teras Empat Arah</i>	
<b>Choo Siew Cheong</b>	71
<i>Mengejar Peluang, Menggarap Impian</i>	
<b>Mohammad Faizal Che Yusof</b>	79
<i>Memasak Mandat Menggalas Amanah</i>	
<b>Norfarrah Syahirah Shaari</b>	91
<i>Membujur Lalu Melintang Patah</i>	
<b>Ramlah Md Jalee</b>	99
<i>Setitis Ilmu Seluas Lautan</i>	
<b>Zamri Mansor</b>	107
<i>Bagai Helang Memintas Awan</i>	
<b>OKU DALAM BIDANG KESENIAN</b>	116
<b>Muhammad Qayyim Nizar Sarimi</b>	117
<i>Lantunan Suara Menusuk Kalbu</i>	
<b>Khairul Azmi Mohd. Saat</b>	123
<i>Suara Emas Membelai Jiwa</i>	

<b>OKU DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN</b>	130
<b>Dr. Ruzimi Mohamad @ Mahmood</b>	131
<i>Menyulam Tekad Menggapai Impian</i>	
<b>Khairi Othman</b>	141
<i>Perah Keringat Menongkah Arus Ampuh Kehidupan</i>	
<b>Mohd. Nazri Hussin</b>	149
<i>Usah Direnung Letihnya Usaha</i>	
<b>Muhammad Huzaery Muhamad Daud</b>	157
<i>Dambaan Displin Dalam Potensi Menemukan Cita-Cita</i>	
<b>Noor Azizah Muhammad Zamri</b>	165
<i>Sabar Kunci Jaya</i>	
<b>Nor Adzleen Abdul Karim</b>	171
<i>Biar Tangan Berbicara</i>	
<b>Norli Hamzah</b>	179
<i>Warisan Kasih Penyambung Legasi</i>	
<b>Jeannie Tan Ruey Jiuan</b>	185
<i>Perbezaan Yang Dirai</i>	
<b>OKU DALAM BIDANG KESUKANAN</b>	194
<b>Ahmad Fadil Othman</b>	195
<i>Sinaran Permata Berharga</i>	
<b>Bonnie Bunyau Anak Gustin</b>	201
<i>Nekad Si Badang</i>	

<b>Cheah Liek Hou</b>	209
<i>Tangan Emas</i>	
<b>Mohamad Khasseri Othman</b>	217
<i>Pandangan Melangkaui Penglihatan</i>	
<b>Mohamad Ridzuan Mohd. Asri</b>	225
<i>Yang Bulat Datang Bergolek, Yang Pipih Datang Melayang</i>	
<b>Mohd Sabki Ariffin</b>	233
<i>Nekad Dan Tekad Menakluk Keunggulan</i>	
<b>Muhammad Hisyam Khaironi</b>	243
<i>Lontaran Membina Arca Kejayaan</i>	
<b>Muhamad Ashraf Muhammad Haisham</b>	249
<i>Larian Mengejar Impian</i>	
<b>Muhammad Nabil Rosli</b>	259
<i>Sehari Selembar Benang, Lama-Lama Menjadi Kain</i>	
<b>Sunny N Sabornido</b>	267
<i>Bahana Sang Peredam</i>	
<b>Biodata Penulis</b>	273

## Sehari Selembar Benang, Lama-lama Menjadi Kain

OLEH: SYAMSURIANA SIDEK

Teriakan tangisan bayi saat dilahirkan merupakan satu kegembiraan yang tidak terkata oleh seorang ibu. Muhammad Nabil Rosli merupakan putera sulung dalam keluarganya dan dilahirkan dalam keadaan normal pada 11 Julai 1994 di 95 Hospital Angkatan Tentera Kinrara, Puchong di Kuala Lumpur. Namun, kegembiraan yang dirasakan oleh keluarganya terutamanya Siti Khadijah Hashim, ibu kepada Nabil tidak berpanjangan apabila anak tersebut terpaksa dikejarkan semula ke hospital di Pusat Rawatan Islam Sdn. Bhd. hanya selepas tiga hari Nabil dilahirkan.

Doktor menyatakan bahawa Nabil berhadapan dengan tahap *jaundice* yang tinggi dan beliau perlu menjalani proses pertukaran darah dalam badannya. Selepas lima hari proses pertukaran darah tersebut berlalu, doktor memberitahu ibunya bahawa Nabil menghidap simptom Cerebral Palsy (CP) yang mana telah memberi impak kepada keupayaan otak dan keseluruhan sarafnya. Mahu atau tidak, ibu dan keluarga Nabil terpaksa menerima kenyataan pahit tersebut

dengan hati yang luluh. Lebih malang, detik-detik sukar tersebut terpaksa diharungi seorang diri tanpa dampingan suaminya Rosli Baharom, seorang anggota tentera yang sedang berkhidmat di luar negara iaitu Bosnia di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selama setahun. Bapanya hanya pulang ke tanah air setelah Nabil mencapai usia dua bulan.

Pada asalnya mereka sekeluarga menetap di Kuala Lumpur. Namun disebabkan tugas, bapanya ditukarkan ke Ipoh, Perak iaitu Kem 10 Workshop (WKSP) Para di bawah 10 Briged Kem Terendak Melaka pada masa itu. Mereka sekeluarga turut berpindah. Ibunya juga pada asalnya hanya meminta cuti tanpa gaji bagi menjaga Nabil yang masih bayi. Namun naluri keibuannya yang ingin memantau setiap perkembangan anaknya membuatkan beliau mengambil langkah drastik untuk terus berhenti daripada kerjayanya sebagai kerani di salah sebuah syarikat kewangan. Sekurang-kurangnya dua kali sebulan beliau akan membawa Nabil ke Hospital Ipoh untuk memastikan tahap kesihatannya sentiasa dalam keadaan positif.